



1 Mac 2012  
1 March 2012  
P.U. (A) 58

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENANDAAN TAYAR PNEUMATIK) 2012

### *TRADE DESCRIPTIONS (MARKING OF PNEUMATIC TYRE) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERIHAL DAGANGAN 2011

PERINTAH PERIHAL DAGANGAN (PENANDAAN TAYAR PNEUMATIK) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 29(1)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 [*Akta 730*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Tayar Pneumatik) 2012.**  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2012.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “tayar pneumatik” ertinya tayar pneumatik mengikut pengertian Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [*L.N. 170/1959*] dan yang telah mematuhi kaedah 30 atau kaedah 46 Kaedah-Kaedah itu.

**Penandaan tayar pneumatik**

3. Tayar pneumatik yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan hendaklah mempunyai tanda sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual mengikut standard yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual, mengikut mana-mana yang berkenaan.

## JADUAL

(1) Jenis tayar penumatik	(2) Tanda	(3) Standard
(a) Tayar pneumatik baru bagi kenderaan lebuh raya selain kenderaan penumpang.	 MS 1394 XXXXX  XXXXX – Nombor kelulusan.	Standard Malaysia MS 1394 - Spesifikasi bagi Tayar Pneumatik Baru bagi Kenderaan Lebuh Raya selain Kenderaan Penumpang.
	 ECE YYYYY  X – Merujuk kepada Negara yang memberi pengiktirafan pematuhan standard.  YYYY – Nombor kelulusan.	Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah Peraturan 54 Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan Tayar Pneumatik bagi Kenderaan Perdagangan dan Trelernya.
	DOT XXYY  XXYY – Nombor kelulusan.	Spesifikasi Keselamatan Kenderaan Bermotor Persekutuan Standard No. 119 Tayar Pneumatik Baru bagi Kenderaan Lebuh Raya selain Kenderaan Penumpang.
(b) Tayar pneumatik baru bagi kenderaan penumpang.	 MS 149 XXXXX  XXXXX – Nombor kelulusan.	Standard Malaysia MS 149 - Spesifikasi bagi Tayar Pneumatik Baru Kenderaan Penumpang.

	 YYYYYY <p>X – Merujuk kepada Negara yang memberi pengiktirafan pematuhan standard.</p> <p>YYYYYY – Nombor kelulusan.</p>	Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah Peraturan 30 Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan Tayar Pneumatik bagi Kenderaan Bermotor dan Trelernya.
	<p>DOT XXYY</p> <p>XXYY – Nombor kelulusan.</p>	Spesifikasi Keselamatan Kenderaan Bermotor Persekutuan Standard No. 109 Tayar Pneumatik Baru bagi Kenderaan Penumpang.
(c) Tayar celup pneumatik bagi kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan.	 MS 224 XXXXX <p>XXXXX – Nombor kelulusan.</p>	Standard Malaysia MS 224 – Spesifikasi bagi Tayar Celup Getah Pneumatik bagi Kenderaan Penumpang dan Kenderaan Perdagangan.
	 YYYYYY <p>X – Merujuk kepada Negara yang memberi pengiktirafan pematuhan standard.</p> <p>YYYYY – Nombor kelulusan.</p>	Suruhanjaya Ekonomi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Eropah Peraturan 108 Peruntukan Seragam Mengenai Kelulusan bagi Pengeluaran Tayar Celup Pneumatik bagi Kenderaan Bermotor dan Trelernya.